

## **Tahap Kesakitan dan Relevansi Sebatan Syarie: Pengalaman Bekas Pesalah yang telah Disebat di Depan Khalayak**

### *The Level of Pain and The Relevance of Syarie Whipping: The Experience of Ex-Convicts Who Have Been Whipped in Public*

**Mohd Azhar Bin Abdullah**

Department of Syariah, Sultan Ismail Perta International Islamic College (KIAS),  
15730, Malaysia, e-mail: dr.har68@gmail.com

#### **ABSTRAK**

Lebih kurang 27 tahun, sebatan syarie di Malaysia dilaksanakan di dalam penjara yang disaksikan beberapa orang individu tertentu sahaja. Sebatan syarie secara terbuka yang terawal dilaporkan adalah pada September 2014 yang mana seorang pesalah lelaki telah menjalani sebatan syarie di dalam dewan Mahkamah Tinggi Syariah, Tawau yang disaksikan lebih kurang 40 orang tetamu. Keistimewaan artikel ini kerana memaparkan maklumat realiti daripada pengalaman bekas pesalah-pesalah syariah di dua buah negara, iaitu Sabah dan Aceh, Indonesia yang telah menjalani hukuman sebatan syarie di tempat terbuka. Fokus utama penulisan ini berkaitan dua isu, iaitu tahap kesakitan yang dialaminya dan sikap mereka selepas menjalani sebatan syarie. Maklumat-maklumat diperoleh melalui temu ramah secara langsung dengan mereka.

**Kata Kunci:** Kesakitan; Sebatan Syarie; Pesalah; Takzir.

---

#### **ABSTRACT**

*For about 27 years, syarie whipping in Malaysia has been carried out in prison which is witnessed by a few specific individuals. The earliest open syarie whipping was reported in September 2014 where a convicted male underwent syarie whipping in the courtroom of the Syariah High Court of Tawau witnessed by 40 people. The significant factor in this article is to portray real information from the experiences of those formerly convicted of syariah offences in Sabah and Aceh who have gone through open syarie whipping. This article focuses on two issues, which are the level of physical pain they suffered and their attitude after experiencing syarie whipping. Information was obtained through direct interviews with them.*

**Keywords:** Physical Pain; Syarie Whipping; Ex-Convicts; Takzir.

---

## 1. Pendahuluan

Ahli perundangan tidak menafikan hukuman sebat satu keperluan kepada penjenayah. Thomson C.J dalam keputusan kes *Ho Lim Luan & Another v Public Prosecutor* (1959) menyatakan (Prof. Ahmad Mohamed Ibrahim: 1978):

*“Sesungguhnya pada prinsipnya kami tidak menyokong hukuman sebat kecuali dalam kes-kes yang melibatkan kekerasan dan keganasan, tetapi kami juga sedar bahawa terdapat kes-kes yang membolehkan mahkamah menjalankan budi bicaranya menghukum dengan hukuman sebat, sungguhpun tidak terdapat kekerasan atau keganasan digunakan. Tiap-tiap kes bergantung kepada fakta-faktanya sendiri kepada watak dan latar belakang pesalah itu”.*

Sehubungan itu, tidak menghairankan hukuman sebat bukan didapati dalam perundangan Islam sahaja, tetapi diperuntukkan juga dalam undang-undang konvensional. Apa yang zahir daripada falsafah hukuman sebatan sivil ialah diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan jenayah berat seperti tertakluk dalam beberapa statut. Statut yang paling banyak memperuntukkan hukuman sebat ialah Kanun Keseksaan (Akta 574). Selain itu, hukuman sebat juga terdapat dalam peruntukan Akta Senjata Api 1960 (Akta 206), Akta Senjata Api (Hukuman Lebih Berat) 1971 (Akta 71), Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234), Akta Memperbaharui Undang-Undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 (Akta 165) dan kesalahan-kesalahan tertentu di bawah Akta Penjara 1995 (Akta 325). Hukuman sebatan sivil tidak wujud dalam kesalahan-kesalahan kecil. Hal ini selaras dengan sifat sebatan sivil itu sendiri yang amat menyakitkan dan mencederakan pesalah.

Ibn Qayyim (t.th) menjelaskan falsafah sebatan syarie yang diperuntukkan bagi kesalahan berat dan juga kesalahan kecil di bawah takzir adalah berbeza. Hukuman sebatan syarie disyariatkan ke atas tiga jenis kesalahan berikut:

وَأَمَّا الْجُلْدُ فَجُعِلَ عُقُوبَةً الْجَنَائِيَةِ عَلَى الْأَعْرَاضِ ، وَعَلَى الْعُقُولِ ، وَعَلَى الْإِبْطَاعِ

Terjemahan: Adapun sebatan dijadikan sebagai hukuman jenayah ke atas maruah, akal dan faraj.

Jumhur dengan tegas menetapkan hukuman sebat bagi empat kesalahan hudud, iaitu zina sebanyak 100 kali sebatan, qazaf sebanyak 80 kali rotan, arak sebanyak 40 kali rotan dan liwat. (Hj. Said Hj. Ibrahim: 1996). Hukuman sebatan bagi jenayah hudud termasuk dalam bentuk hukuman yang tetap (*al-'uqubah al-thabitah*), yang tidak boleh ditukar ganti

dengan hukuman-hukuman lain dan kekal hingga kiamat kerana memelihara kemaslahatan umum (Ahmad Ibrahim al-Juyyib:1406 H). Manakala hukuman sebat bagi kesalahan-kesalahan takzir seperti rogol, dadah, perlakuan tidak sopan, khalwat dan berjudi adalah di bawah budi pertimbangan pihak pemerintah.

## 2. Maksud Sebatan Syarie dan Pesalah Syariah

Istilah sebatan perlu disandarkan dengan perkataan syarie bagi membezakan dengan sebatan sivil disebabkan terdapat dwi perundangan; sivil dan syariah dalam amalan sistem perundangan di beberapa buah negara Islam seperti Malaysia, Brunei dan Indonesia. Apatah lagi, wujud pemikiran-pemikiran Barat yang mendakwa hukuman sebatan tidak lagi relevan dan tidak berperikemanusiaan serta mengerakkan usaha-usaha menghapuskannya seperti apa yang dilaporkan oleh Prof. Dr. Ahmad Mohamad Ibrahim (1978) dan Prof. Dr. 'Abd al-Qadir 'Awah (1999) dalam tulisan mereka berkaitan hukuman sebat.

Kamus Dewan (2007) memberikan maksud sebatan ialah pukulan dengan rotan. Takrif sebatan syarie yang lebih khusus telah diberikan dalam Kaedah-Kaedah Hukuman Sebat 1987 (Negeri Kelantan), iaitu pukulan dengan rotan oleh pegawai yang ditugaskan khas oleh pihak berkuasa penjara.

Dalam pemakaian bahasa Arab sebatan sinonim dengan *al-darb* atau *al-jald*. Tetapi istilah *al-jald* lebih khusus berbanding maksud *al-darb*. Sulaiman al-Bujairimi (t.th) berpendapat hukuman *al-jald* diambil daripada *jild*, iaitu kulit manusia kerana pukulan itu mengena kulit manusia. Imam al-Nawawi (t.th) menghuraikan *al-jald* ialah diambil daripada asal kulit manusia, iaitu memukul dengan menggunakan alat seperti tongkat dan mengena kepada bahagian kulit. Prof. Dr. 'Abd al-Qadir 'Awdah (1999) mengkatogerikan hukuman sebat termasuk dalam jenis hukuman dinisbahkan kepada badan (*'uqubah badaniyyah*).

Dr. 'Abd al-Rahman bin Sulaiman al-Rabisy (2002) menyatakan beliau tidak menemui pentakrifan yang mantap mengenai sebatan daripada tulisan dan perbincangan ulama. Tetapi ianya dapat difahami daripada maksud hukuman *al-jald* memiliki tiga ciri utama, iaitu pukulan sederhana, menggunakan alat tertentu yang pada kelaziman untuk memukul seperti tongkat, cemeti atau rotan dan ketiga mengenakan ke bahagian kulit manusia. Dengan maksud yang mudah, sebatan syarie ialah pukulan yang sederhana dengan menggunakan suatu alat yang kebiasaannya seperti rotan ke atas bahagian kulit.

Manakala dimaksudkan dengan bekas pesalah syariah dalam artikel ini ialah pesalah yang telah selesai menjalani hukuman sebatan syarie secara sah menurut perundangan Syariah. Semua proses perundangan telah selesai

dan tamat ke atas mereka. Mereka telah bebas daripada apa jua beban hukuman dan tidak lagi boleh lagi diistilahkan sebagai pesalah. Dalam pada itu, temu ramah ini dibuat selepas selesai mereka menjalani hukuman dan mereka telah dibebaskan oleh pihak berkuasa.

### 3. Falsafah Hukuman Sebatan Syarie

Dr. Siti Zubaidah bt. Ismail (2008) menegaskan pemikiran mengenai falsafah di sebalik sesuatu hukuman, objektif, konsep dan pendekatan termasuk idea utama perbahasan ahli undang-undang dalam mencapai matlamat jangka pendek, iaitu memulihkan dan menghalang pesalah daripada mengulanginya dan jangka panjang menjaga kepentingan awam. Hukuman atau *'uqubah* menurut perspektif Islam adalah balasan yang ditetapkan oleh syariat untuk mencegah perlakuan melakukan yang dilarang-Nya atau meninggalkan apa yang diperintahkan-Nya demi memelihara kepentingan awam 'Abd al-Qadir 'Awdah (1999). Prof Ahmad Mohamed Ibrahim (1990) menyatakan falsafah *'uqubah* Islam dirangkumkan dalam tiga hal di bawah:

- i. Berdasarkan panduan wahyu, bukan akal semata-mata kerana itu al-Quran menegaskan dengan maksud; "*sesiapa tidak berhukum dengan apa yang diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang zalim*" (al-Maidah: 45). Kecerdikan akal adalah terbatas dalam menetapkan keadilan hukuman yang setimpal, sesuai dan mencukupi bagi kesalahan yang dilakukan berdasarkan prinsip al-Quran yang bermaksud "*balasan kepada suatu kejahatan adalah kejahatan yang sama*" (al-Shūrā: 40)
- ii. Satu rahmat kepada manusia kerana memelihara masyarakat daripada kezaliman dan kejahatan. Adalah silap melihat *'uqubah* secara sempit yang menyakitkan atau memalukan sahaja, tetapi rahmat di sebalik itu adalah lebih besar dalam memelihara *maqasid syar'iyah* yang lima, akidah, nyawa, keturunan, maruah dan akal. Rasulullah SAW menegaskan dengan maksud:

"Hudud yang ditegakkan di bumi lebih baik daripada hujan empat puluh hari pada subuh".

[*Musnad Ahmad bin Hanbal*, no. hadith: 8732. Al-Arna'uth menilai sanad hadith ini *ḍa'īf* kerana perawi Jarir bin Yazid]

- iii. Menggabungkan antara *'uqubah* duniawi dan ukhrawi yang mengetuk hati-hati manusia agar juga takutkan akan dosa dan azab yang menimpa sama ada dalam bentuk fizikal ataupun kerohanian. Ini menyebabkan pesalah segera insaf dan bertaubat untuk bersungguh-sungguh menjadi

manusia lebih baik. Jenayah gagal dibendung jika manusia hanya takutkan penguatkuasaan pemerintah; polis atau hakim tetapi hatinya mesti juga takutkan kemurkaan Allah SWT yang menjadi punca dan sumber segala-galanya.

‘Abd al-Qadir ‘Awdah (1999) menjelaskan *‘uqubah* asas keadilan Islam yang memiliki empat ciri, iaitu mencukupi sebagai balasan kepada penjenayah, menghalang orang lain daripada melakukan jenayah, wujud kesesuaian antara *‘uqubah* dengan jenayah yang dilakukan dan berkuat kuasa sepenuhnya tanpa sesiapa terlepas daripada hukuman. Demi memelihara kemaslahatan awam hasil daripada keadilan perundangan Islam, hukuman Islam dibahagikan kepada dua bahagian berikut:

- i. Hukuman ditetapkan (*‘uqubah muqadarrah/thabitah*) dalam jenayah hudud dan qisas. Hukuman sebat bagi jenayah zina belum berkahwin, liwat, qazaf dan arak. Hukuman rejam bagi penzina telah berkahwin. Hukuman mati bagi orang murtad dan membunuh dengan sengaja, dan hukuman buang daerah bagi penzina belum berkahwin. Manakala hukuman diat atau memaafkan pembunuh bagi kesalahan membunuh dengan sengaja, tidak sengaja atau separa sengaja.
- ii. Hukuman takzir yang tidak ditetapkan. Syarak menyerahkan mandat kepada pihak pemerintah memperuntukkan apa-apa hukuman wajar seperti khidmat masyarakat, amaran, denda, sebat, penjara dan mati.

Oleh yang demikian, hukuman sebat satu bentuk hukuman asal dalam Islam dan diperuntukkan bagi kesalahan jenayah berat dan juga bagi kesalahan kecil. Perlu difahami dengan jelas bahawa setiap jenis hukuman Islam mempunyai ciri-cirinya tersendiri yang perlu dipatuhi agar objektif hukuman itu dicapai seperti hukuman rejam adalah tujuannya menyakitkan dan mematikan pesalah serta menakutkan masyarakat menyebabkan wajib dilaksanakan di tempat terbuka kepada awam.

Hukuman rejam bagi penzina muhsan dengan batu adalah bertujuan menyakitkan dan mematakannya, maka hendaklah dilakukan sehingga pesalah tersebut mati dengan sebab rejaman. Manakala hukuman mati bagi kesalahan murtad dan qisas adalah mematikan sahaja tanpa menyakitkannya, kerana itu sebaik-baik kaedah mematikan adalah dipancung pada leher sebagaimana Ibn Majah (no. 2267) dan al-Tarmizi (no. 1394) meriwayatkan bahawa “*tiada (kaedah) bunuh dalam qisas kecuali dengan pedang*”.

Terdapat dua falsafah dan sifat hukuman sebatan syarie, iaitu:

**(a) Tidak Menyakiti dan Mencederakan Pesalah.**

Dr. Wahbah al-Zuhaili (1989) menegaskan sepakat ulama mazhab bahawa sebatan syarie hendaklah dengan menggunakan alat seperti tongkat yang tidak menyakiti dan pukulan tersebut tidak membawa kecederaan. Pukulannya seumpama antara satu pukulan dengan dua pukulan, iaitu pukulan yang pertengahan antara dua pukulan, tidak boleh hayunan pukulan dengan mengangkat tangan melebihi kepalanya. Justeru itulah, ada riwayat bahawa Rasulullah SAW melaksanakan sebatan bagi pesalah arak dengan sesuatu alat yang tidak menyakiti seperti hujung baju, tangan atau selipar.

Hj. Sa'id bin Hj. Ibrahim (1996) menyatakan hukuman sebatan bukanlah bertujuan untuk mematikan sebagaimana hukuman rejam sebagaimana hukuman ke atas pezina muhsan, tetapi sebenarnya merupakan hukuman untuk menghalang dan mencegah penjenayah melakukan jenayah-jenayah syariah dengan berterusan.

Imam Malik meriwayatkan dalam *al-Muwatta'* (1991) mengenai satu kes seorang lelaki mengaku berzina. Rasulullah SAW menjatuhkan hukuman had seratus sebatan. Baginda diberikan satu kayu pemukul tetapi pecah di bahagian hujungnya, lalu Baginda meminta dibawakan kayu yang lain tetapi ditolak juga oleh Rasulullah SAW, kerana kayu tersebut masih lagi basah yang boleh menyakiti. Rasulullah SAW kemudian menerima kayu yang telah kering tetapi tidak pecah di hujungnya. Hadith ini menunjukkan kayu yang hujungnya pecah boleh melukakan dan akan menyakiti. Begitu juga kayu yang masih basah menyebabkan timbangan kayu itu lebih berat yang menghasilkan hayunan pukulan walaupun sederhana akan tetap memberi kesan tambahan disebabkan isi padu jisim kayu yang berat.

Oleh yang demikian, hukuman sebatan syarie sifatnya mestilah tidak terlalu menyakiti, tidak mencederakan atau melukakan kulitnya, apatah lagi boleh mematakannya. Al-Sarkhasi (2000) menukilkan bahawa Ali RA menegaskan bahawa:

مَا مِنْ أَحَدٍ أَقِيمُ عَلَيْهِ حَدٌّ فَيَمُوتُ

Terjemahan: Tiada seorang pun yang dihukum (hukuman sebat) had, maka ia mati.

Kenyataan di atas diperkukuhkan lagi bahawa Sa'ad bin 'Ubadah RA meriwayatkan seorang lelaki buta lagi lemah telah berzina dengan seorang hamba orang lain, dan Sa'ad RA memanjangkan kes tersebut kepada Rasulullah SAW:

اضْرِبُوهُ حَدَّهُ فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّهُ أَوْعَفُ مِنْ ذَلِكَ، وَلَوْ ضَرَبْنَاهُ مِائَةً قَتَلْنَاهُ فَقَالَ: خُذُوا لَهُ عِشْكَالًا فِيهِ مِائَةٌ شِمْرَاحٍ، ثُمَّ اضْرِبُوهُ بِهِ ضَرْبَةً وَاحِدَةً وَخَلُّوا سَبِيلَهُ

Terjemahan: Sebatlah dia sebagai had. Sahabat berkata; Wahai Rasulullah, sesungguhnya dia lemah daripada demikian itu, jika kami sebatnya seratus, pasti kami membunuhnya. Rasulullah bersabda; kamu ambilkan pelepah tamar yang mempunyai seratus bilah jerami, kemudian kamu sebatlah dia dengan satu pukulan dan buanglah daerah.

[*Musnad Ahmad bin Hanbal*, no. hadith: 21985, al-Arna'uth menilai hadith ini *ṣaḥīḥ*]

Hadith di atas menunjukkan dengan jelas falsafah dan sifat hukuman sebat syarie adalah tidak menyakitkan pesalah walau apa jua keadaannya, sehingga seratus sebatan ke atas seorang yang cacat dan lemah tetap memelihara sifat hukuman tersebut.

Fakta yang mengukuhkan lagi bahawa sifat sebatan syarie tidak boleh menyakitkan hingga mencederakan bahawa ‘Abd al-‘Aziz bin Muhammad Saqhir (2016) merekodkan pelaksanaan sebatan syarie oleh ‘Umar RA:

أَنَّ مَعَرَ بْنَ زِيَادٍ عَمِلَ حَاتِمًا عَلَى نَفْسِ حَاتِمِ بَيْتِ الْمَالِ فَأَخَذَ مَالًا ، فَضَرَبَهُ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ مِائَةً جَلْدَةً ، وَحَبَسَهُ ، ثُمَّ ضَرَبَهُ مِائَةً أُخْرَى ، ثُمَّ ثَالِثَةً ، ثُمَّ نَفَاهُ .

Terjemahan: Sesungguhnya Ma'n bin Ziyad membuat (memalsukan) cop seperti ukiran cop baitulmal dan mengambil hartanya. Maka ‘Umar RA menyebatnya 100 kali sebatan, dan menahannya, kemudian menyebatnya 100 kali lagi dan 100 kali lagi, kemudian membuang daerah.

[*al-Muwatta'*, no. hadith: 1508]

Athar di atas jelas membuktikan sebatan syarie sebanyak 300 kali masih tidak mencederakan pesalah atas kesalahan takzir, iaitu mengambil harta baitulmal dengan cara memalsukan cop baitulmal. Kebijaksanaan Umar RA melaksanakan 300 kali sebatan secara berperingkat selama tiga hari dengan 100 kali sebatan setiap hari. Lebih menarik, tiada sumber atau riwayat sahabat lain mempertikaikan 300 kali sebatan, sekali gus mengisyaratkan sahabat memahami bahawa Umar RA tidak mungkin mencederakannya berdasarkan sifat asal hukuman sebatan syarie tidak mencederakan pesalah.

Dato' Hj. Muhammad Asri Abdullah (2006) menghuraikan sebab Ma'n bin Ziyad dikenakan 300 kali sebatan kerana dia melakukan beberapa

kesalahan, iaitu membuat cop palsu baitulmal, mengambil harta baitulmal secara salah dan membuat penipuan kepada orang lain, malah dikatakan Ma'n bin Ziyab membantah hukuman 'Umar RA

Pelaksanaan hukuman sebatan takzir dilaksanakan dengan meluas di Arab Saudi. *Berita Harian*, pada 1 September 2016 melaporkan seorang blogger lelaki berusia 28 tahun dijatuhkan hukuman penjara 10 tahun dan 2,000 kali sebatan (dua ribu) di Arab Saudi kerana mengaku dalam akaun Twitter bahawa beliau seorang ateis. Selain penjara dan sebatan, beliau juga didenda 20,000 riyal (RM21,764).

Sebelum itu, pada 7 Disember 2011, *Mystar* melaporkan seorang lelaki, Mansor Almaribe, warganegara Australia dijatuhkan hukuman 500 sebatan kerana didapati bersalah mengeluarkan perkataan kufur.

Pada asasnya, jumur berpendapat jumlah sebatan tidak boleh melebihi jumlah sebatan hudud sebanyak 100 kali sebatan, tetapi sebahagian ulama berpendapat tiada had bagi jumlahnya selaras dengan prinsip takzir menurut budi bicara pemerintah asalkan mencapai objektif hukuman 'Abd al-'Aziz bin Muhammad Saqhir (2016). Maka adalah suatu kekeliruan sesetengah masyarakat mempertikaikan sebatan hudud yang dianggap tidak berperikemanusiaan, sedangkan sebatan takzir lebih berat kerana jumlahnya boleh melebihi 100 kali sebatan menurut pertimbangan pemerintah. Ibn al-Humam (t.th) menegaskan bahawa sifat sebatan takzir sebenarnya lebih berat daripada sebatan hudud:

وَأَشَدُّ الضَّرْبِ التَّعْزِيرُ، وَضَرْبُ التَّعْزِيرِ أَشَدُّ مِنْ ضَرْبِ الزَّانِي، وَضَرْبِ الزَّانِي أَشَدُّ مِنْ ضَرْبِ الشَّارِبِ، وَضَرْبِ الشَّارِبِ أَشَدُّ مِنْ ضَرْبِ الْقَازِفِ

Terjemahan: Pukulan paling berat ialah takzir, pukulan takzir lebih berat daripada pukulan penzina, pukulan penzina lebih berat daripada pukulan peminum arak dan pukulan peminum arak lebih berat dari pukulan yang melakukan qazaf.

### **(b) Disaksikan Oleh Sekumpulan Lelaki Beriman**

Berdasarkan prinsip ayat 2, surah al-Nur bahawa “*dan hendaklah hukuman ke atas kedua-duanya disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman*” menetapkan hukuman sebatan hudud wajib dijalankan di hadapan sekumpulan lelaki beragama Islam yang merdeka. Hudud disyariatkan sebagai pencegahan awam, maka tujuan pencegahan awam ini tidak terhasil kecuali dengan pengumuman atau diketahui oleh awam (Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah: 1404-1427 H).

Imam Zakariya al-Ansari (2000) menyatakan sunat disaksikan oleh sekurang-kurangnya empat orang lelaki beriman, walaupun dua orang yang



melihatnya sudah mencukupi. Namun, bagi pelaksanaan sebatan takzir tidaklah rigid secara terbuka kepada orang awam kerana takzir itu sendiri tertakluk kepada pertimbangan pihak pemerintah. Walau bagaimanapun, amalan sebatan takzir perlu mengambil dan memelihara prinsip sebatan hudud kerana hukuman hudud dan qisas dianggap induk kepada hukuman-hukuman lain disebabkan ia satu ketetapan dari hak Allah (*'uqubah haqqan lilLah*).

Arab Saudi dan Aceh antara negara Islam yang paling menonjol mengimplementasikan hukuman sebatan syarie di tempat awam seperti kawasan berhampiran perkarangan masjid. Masyarakat boleh menyaksikan pelaksanaan hukuman tersebut secara bebas dan tanpa apa-apa sekatan. Manakala, negara Malaysia dan Brunei masih mengamalkan pelaksanaannya di dalam penjara.

#### **4. Falsafah Sebatan Syarie dan Sivil di Malaysia**

Oleh sebab undang-undang mahkamah Syariah dinisbahkan kepada Islam, maka menjadi satu tanggungjawab pihak kerajaan dan mahkamah Syariah mengimplementasikan falsafah sebatan syarie menurut syarak. Di Malaysia, ada dua kaedah hukuman sebatan syarie terawal yang digubal, iaitu Kaedah Sebatan Syarie 1987 (Negeri Kelantan) kemudian diikuti Kaedah Sebatan Syariah Negeri Selangor.

Dr. Anita Rahim (2015) daripada Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia mengukuhkan bahawa sebatan mengikut perundangan enakmen Syariah tidak mendatangkan mudarat kepada pesalah. Dari sudut pelaksanaan undang-undang Syariah di Malaysia, falsafah dan sifat hukuman sebatan syarie yang sederhana dan tidak mencederakan dapat disemak dalam seksyen 125 & 126 Kaedah-Kaedah Hukuman Sebat 1987, seksyen 125 Enakmen Tatacara Jenayah 2002 Negeri Kelantan dan Seksyen 125, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Selangor) 2003 yang memperuntukkan;

- i. Saiz rotan yang sederhana tiada ruas atau buku dan panjangnya tidak melebihi 1.22 meter dan tebalnya tidak melebihi 1.25 sentimeter.
- ii. Hayunan tangan tukang sebat yang sederhana, iaitu itu hendaklah menggunakan alat sebatan dengan kekuatan yang sederhana tanpa mengangkat tangannya melebihi kepalanya supaya tidak melukakan kulit pesalah. Selepas mengenakan satu kali sebatan, dia hendaklah mengangkat alat sebatan itu ke atas dan tidak menariknya.
- iii. Memindahkan setiap sebatan di bahagian yang berbeza, tidak boleh menyebat di bahagian yang sama, apatah lagi dikenakan ke muka, kepala, perut, dada atau bahagian-bahagian sulit.
- iv. Pesalah disebat dalam keadaan berpakaian, sekali gus menjadi alas antara rotan dengan kulit yang mampu mengelakkan luka.

- v. Disaksikan oleh sekurang-kurangnya empat orang lelaki Islam.
- vi. Pesalah yang sakit dan tiada harapan untuk sembuh boleh disebat dengan rotan yang tidak membinasakannya atau dirujuk ke Mahkamah bagi melaksanakan hukuman yang difikirkan munasabah.

Hakikatnya, falsafah dan sifat sebatan syarie jauh berbeza dengan sebatan sivil. Prof. Ahmad bin Mohamed Ibrahim (1978) telah membincangkan isu sebatan syarie dan sivil ini sejak tahun 1970-an dalam kertas kerjanya:

*“Hukuman sebat (sivil) dijalankan di penjara-penjara di Malaysia bukanlah cara-cara hukuman sebat yang dikehendaki oleh Islam. Tujuan undang-undang Islam bukan semata-mata hendak menyakitkan dan mencederakan seseorang akan tetapi tujuannya ialah memberi ajaran dan amaran kepada orang-orang yang melakukan jenayah dan juga orang ramai”.*

Encik Quek Shi Lei, Pengarah Penjara Singapura menjelaskan dalam temu ramahnya kepada *Straits Times*, 13 September 1974 bahawa pesalah disebat dengan rotan bertujuan menyakitkannya dan merasai penderitaan sebagaimana penderitaan dan kepahitan kepada mangsa-mangsa jenayahnya. Kebanyakan banduan akan menggelepar kesakitan selepas tiga kali sebatan dan selepas itu akan berkurangan selepas daripada itu kerana dia tidak bermaya lagi, pengsan atau tidak sedarkan diri. Luka dan kecederaannya sukar dihilangkan dan akan parutnya akan kekal (Hamidi Abdul Ghani (2008).

Oleh hal yang demikian, tidak aneh jika segelintir masyarakat trauma atau salah faham berkaitan hukuman sebatan yang disifatkan tidak berperikemanusiaan. SS Dato' Seri Dr. Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri Mufti Wilayah Persekutuan tidak ketinggalan memberikan penjelasan berkaitan isu sebatan yang kadang kala memalit keadilan sebatan syarie dengan sebatan sivil (Bayan Lil Nas: Siri 148).

Syeikh Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi (t.th) menyatakan kebanyakan pemerintah cuba menggagalkan pelaksanaan hukuman syarak terhadap penzina, peminum arak, pencuri dan penuduh zina atas dakwaan ia kejam dan keras. Tindakan mereka ini pantas seperti mana usaha mereka menghalalkan sebatan ke atas tubuh dengan cemeti sehingga darah bercampur dengan daging.

Manakala ‘Abd al-Qadir ‘Awdah (1999) pula menegaskan Hukuman sebat tidak membawa kepada kebinasaan. Ini kerana ia merupakan hukuman untuk mencegah bukan hukuman untuk membunuh. Apakah menjadi aib ketika mana ada individu yang mahu tunduk kepada undang-undang dan juga taat pada syarak? Siapa yang suka untuk mengkritik hukuman ini, maka katakanlah bahawa dunia ini salah (ketika mengaplikasikan hukuman ini) dan

dia sahaja yang betul. Bahkan katakanlah apa yang dia mahu. Sesungguhnya dia tidak mampu untuk membuktikan bahawa hukuman ini tidak diperlukan.

Lebih menarik, pada September 2018 pihak Jabatan Penjara Malaysia tampil kepada umum dengan membuat rakaman dan mempertontonkan demonstrasi sebatan syarie bagi menjelaskan kekeliruan dan salah faham sesetengah masyarakat berikutan polemik dua orang wanita lesbian telah dijatuhkan hukuman sebatan syarie oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Terengganu. Menurut Pengarah Dasar Kepenjaraan Jabatan Penjara Malaysia, Datuk Aziz Abdul Razak, pelaksanaan hukuman sebat membabitkan pesalah syariah tidaklah seperti yang digeruni kebanyakan orang. Sebaliknya hukuman itu menurutnya lebih kepada memberi pengajaran dan bukan untuk mencederakan pesalah. Beliau menyifatkan bagaimana hayunan sebatan syarie:

*“Hukuman sebat syariah ni angkat tangan tinggi pun tak boleh, ia ibarat kita letak buku di celah ketiaklah. Kalau angkat tangan dan rotan sampai jatuh buku tu bermakna itu sudah salah”.*

Jelaslah bahawa sebatan syarie adil dan relevan, walaupun ke atas perempuan kerana sifat hukuman itu tidak mencederakan, mempunyai garis panduan yang menyeluruh dan dipercayai mampu mengekang penularan jenayah.

## **5. Sumber Maklumat Pengalaman Bekas Pesalah Yang Telah Menjalani Sebatan Syarie**

Sumber kepada kajian ini diperoleh melalui temu ramah tidak berstruktur dengan bekas pesalah-pesalah yang telah menjalani sebatan syarie. Penulis telah menyediakan soalan-soalan standard kepada semua bekas pesalah tersebut untuk menghasilkan objektif kajian, terutama bagi mengetahui tahap kesakitan yang dialami oleh pesalah selepas menjalani sebatan syarie.

Pengalaman tahap kesakitan atau kecederaan sebatan syarie di Malaysia, khususnya di Sabah diperoleh melalui temu ramah secara langsung dengan dua orang bekas pesalah; seorang lelaki bernama Sahrin bin Julganah dan seorang perempuan bernama Sharifah Nurshamilah bt Sharif Alimin pada 16 October 2017 di Pejabat Mahkamah Syariah, Kota Kinabalu, Sabah. Kedua-duanya telah menjalani hukuman sebanyak enam kali sebatan syarie di tempat terbuka, bukan di dalam penjara, iaitu di dalam dewan Mahkamah Sivil, Tawau, Sabah pada 18 November 2016 yang disaksikan lebih kurang seratus orang tetamu jemputan. Menurut YA Ahadin bin Arinen, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Tawau, Sabah bahawa hukuman sebatan syarie tersebut sepatutnya dijalankan di dewan Mahkamah Tinggi Syariah, Sabah, tetapi oleh sebab dalam proses pembaikan, maka dipindahkan ke dewan

Mahkamah Sivil, Tawau dengan kebenaran pihak berkenaan dan salinan rakamannya telah dihantar ke Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). (Temuramah: 2017)

Manakala tahap kesakitan dan kerelevanan sebatan syarie di Indonesia diperoleh daripada temu ramah secara langsung dengan lima bekas pesalah yang setelah mereka menjalani sebatan syarie di perkarangan Masjid al-Salihin, Banda, Aceh, Indonesia pada 19 Januari 2018, di ruangan bilik Imam, Masjid al-Salihin, Aceh. Lima bekas pesalah yang disebat ialah tiga orang pesalah beragama Islam yang maisir (berjudi) iaitu Mustafa bin Yusuf, Mahlil Nasution Bin Abu Saad dan Muhammad Bin Hamzah menjalani lima kali sebatan setiap seorang. Seorang merupakan gadis Islam bernama Riza Yani Binti M. Isa Musa berumur 18 tahun yang dijatuhkan dua kali sebatan kerana kesalahan *ikhhtilat* (pergaulan bebas). Paling menarik ialah seorang bekas pesalah lelaki bernama Jono Sembolau beragama Kristian-Katolik telah berjaya menjalani sebatan syarie sebanyak tiga puluh tujuh kerana kesalahan meminum arak bersama orang-orang Islam.

Penulis menyaksikan sendiri sebatan dilaksanakan di perkarangan atau halaman masjid al-Salihin, Banda, Aceh selepas Solat Jumaat dan disaksikan oleh lebih kurang seribu orang awam. Temu ramah dibuat sejurus selesai kelima-lima pesalah menjalani sebatan di ruangan bilik tetamu masjid Salihin. Mereka memberikan kerjasama yang sangat baik kepada penulis, khususnya Jono Sembolau walaupun beragama Kristian.

## **6. Tahap Kelajuan dan Kesakitan Sebatan Syarie**

Falsafah sebatan syarie adalah tidak boleh mencederakan pesalah sama sekali. Berbeza sebatan sivil yang bertujuan menyakitkan dan mencederakan pesalah sehingga dianggap perbandingannya seratus kali sebatan syarie belum tentu sama kesakitan dan kecederaan akibat daripada satu kali sebatan sivil.

### **6.1 Ketidakselarasan Kelajuan Sebatan Syariah**

Sejauh mana kesederhanaan kelajuan hayunan sebatan itu sesuatu hal yang subjektif. Justeru itu, tidak menghairankan jika kaedah dan tahap kelajuan sebatan syarie tidak selaras antara negeri-negeri di Malaysia, malah di negara-negara umat Islam. Ketidakselarasan ini berkait rapat dengan perundangan syariah di bawah bidang kuasa setiap negeri.

Pengalaman penulis yang menyaksikan sebatan syarie di Kelantan, Sabah dan Aceh mendapati terdapat perbezaan yang nyata yang dirumuskan seperti berikut:

- i. Sebatan syarie di Sabah: Berdasarkan pemerhatian penulis sendiri pelaksanaan sebatan syarie secara langsung dalam dewan Mahkamah Tinggi, Tawau pada 18 November 2016 yang disaksikan lebih kurang 100 orang menunjukkan kelajuan sebatan di Sabah amat perlahan yang tidak menghasilkan pukulan yang kuat dan tidak memberi kesan langsung ke atas kulit di bahagian belakang pesalah. Pegawai penyebat dari Jabatan Penjara mengangkat tangan paras bahu, kemudian hanya menggunakan pergerakan pergelangan tangan kanan sahaja tanpa mengayun atau menggerakkan tangan sama sekali.
- ii. Sebatan syarie di Kelantan: Menggunakan kelajuan sebatan yang pertengahan dengan menggunakan hayunan tangan yang tidak melepasi paras bahu dan tidak menampakkan ketiak.
- iii. Sebatan syarie di Aceh: Sebatan syarie di Aceh hampir sama dengan kaedah sebatan di Kelantan, tetapi kelajuan hayunan tangan lebih laju dan lebih kuat yang membawa rasa sakit dan kesan sebatan di bahagian luar kulit pesalah.

Kesimpulannya, tahap kelajuan sebatan syarie di negeri Sabah paling ringan, sebatan syarie di negeri Kelantan tahap pertengahan dan sebatan syarie di Aceh lebih kuat.

## 6.2 Tahap Kesakitan Sebatan Syarie

Bagi mengetahui dengan lebih jelas sejauh mana rasa sakit dan kesan sebatan syarie, penulis menyediakan soalan khusus kepada bekas pesalah yang telah menjalani sebatan syarie di Sabah dan Aceh.

Rajah 1: Soalan Temu ramah Tahap Kesakitan Sebatan Syarie

Tahap	Kesakitan	Ukuran	( x )
1	Tidak Sakit	Tidak merasai pedih, tidak luka, tidak merasai denyutan kesakitan langsung.	
2	Sakit	Merasai sedikit kesakitan seperti pedih, denyutan seketika dan tiada apa-apa kesan pada bahagian luar kulit.	
3	Sederhana Sakit	Merasai kesakitan, kepedihan dan denyutan sementara dan terdapat kesan di bahagian luar kulit tetapi kulit tidak luka.	
4	Sangat Sakit	Merasai sangat sakit, kepedihan yang bersangatan, kulit pecah dan luka serta denyutan yang berpanjangan	

(Sumber: Mohd Azhar, 2021)

Berdasarkan kepada empat tahap yang disediakan di atas, jawapan yang diberikan oleh bekas pesalah-pesalah menurut panduan soalan di atas seperti berikut:

**(i) Sebatan Syarie di Sabah.**

Seorang bekas pesalah wanita dan seorang bekas pesalah lelaki yang telah disebat oleh pihak penjara di Tawau, Sabah telah memilih tahap satu, iaitu tidak sakit. Mereka menjelaskan bahawa tidak merasai apa-apa kesakitan seperti denyutan atau pedih pada kulit selepas sebatan. Malah, mereka mengibaratkan seperti “gigitan semut” sahaja. Mereka tidak mengalami apa-apa kesan sebatan pada kulit.

**(ii) Sebatan Syarie di Aceh.**

Penulis sempat menemu ramah lima orang bekas pesalah sejurus mereka menjalani hukuman sebatan (Temu ramah: 2018). Semua pesalah lelaki mengizinkan untuk penulis melihat bahagian belakang tubuh dengan menyelak baju. Hasil temu ramah dipecahkan menurut jumlah sebatan yang dikenakan kepada mereka seperti berikut:

**(a) Dua Sebatan Syarie.**

Seorang bekas pesalah wanita, berumur 18 tahun telah disebat sebanyak dua kali sebatan kerana kesalahan pergaulan bebas. Beliau memilih tahap satu, iaitu tidak sakit. Beliau menegaskan tidak merasai pedih atau denyutan. Doktor wanita yang memeriksanya telah memastikan tiada apa-apa kesan luka dan doktor tidak memberikan apa-apa ubat kecuali pemeriksaan biasa. Kemungkinan beliau tidak merasai kesakitan kerana jumlah sebatan hanya dua kali sebatan syarie.

**(b) Lima Sebatan Syarie.**

Tiga orang lelaki dikenakan hukuman sebatan syarie sebanyak lima kali sebatan kerana kesalahan berjudi. Ketiga-tiga bekas pesalah memilih tahap dua, iaitu sakit. Mereka menerangkan merasai sakit pada sebatan yang ketiga ke atas dan tempoh denyutan kesakitan adalah sementara, selepas sebatan selesai denyutan tersebut beransur hilang. Namun terdapat kesan kemerahan pada kulit luar tetapi tiada luka atau lebam yang mereka mengizinkan penulis melihatnya.

**(c) Tiga Puluh Tujuh Sebatan Syarie**

Seorang lelaki beragama Kristian telah disebat sebanyak tiga puluh tujuh kali sebatan kerana kesalahan minum arak bersama orang Islam. Beliau memilih tahap tiga, iaitu sederhana sakit. Beliau menjelaskan denyutan kesakitan mula dirasai pada sebatan ke sepuluh dan kesakitan kian bertambah sehingga sebatan yang ke tiga puluh. Beliau menceritakan ketika itu merasai gelap mata seperti nak pengsan kerana menahan kesakitan. Tetapi beliau menahan

nafas dan kesakitan sehingga sebatan selesai dengan jumlah sebatan syarie yang dikenakan ke atasnya

Penulis dapat memahami rasa kesakitan itu apabila melihat kesan lebam atau kesan kehitaman dalam kulit pada belakangnya yang menunjukkan kesan sebatan telah meresap ke bahagian dalam kulit yang membawa kepada denyutan dan kepedihan. Doktor telah memberikan rawatan dengan melumurkan sejenis ubat pada bahagian kulit belakang tersebut.

Apa yang jelas ialah tiada kulit yang pecah atau kelukaan yang diamalkan oleh semua bekas pesalah walaupun sebatan terbanyak tiga puluh tujuh kali sebatan syarie.

Rumusannya, sebatan syarie yang dilaksanakan di Sabah dan Aceh menepati syarak walaupun wujud perbezaan pada kelajuan hayunan sebatan, rasa kesakitan dan kesan-kesan kemerahan pada kulit. Perbezaan ini bukan satu bentuk diskriminasi atau ketidakadilan, tetapi satu ruang ijhtihad yang diberikan kepada pemerintah untuk mengimplementasikannya.

Pelaksanaan sebatan syarie telah memberikan jaminan dan bukti bahawa ia tidak mencederakan pesalah. Tahap paling tinggi adalah tahap sederhana sakit yang tidak melukakan kulit pesalah. Keadaan ini berbeza dengan sebatan sivil yang tentu menyebabkan luka di bahagian kulit luar dan mengoyakkan daging punggung pesalah.

Berdasarkan pengalaman tiga puluh tujuh kali sebatan di Aceh, memungkinkan pesalah yang lemah fizikal dan mental yang menjalani hukuman sebatan lapan puluh kali sebatan atau seratus kali sebatan boleh membawa pengsan atau lemah tubuhnya. Begitu juga bagi kulit yang sensitif akan memberikan kesan lebam beberapa hari.

## **7. Sikap Bekas Pesalah Terhadap Sebatan Syarie Secara Terbuka**

Lima soalan yang standard sahaja yang diajukan, khususnya bagi bekas pesalah-pesalah di Aceh kerana penulis berpendapat kurang wajar bagi mereka yang baru selesai menjalani hukuman sebatan dan pegawai-pegawai berkaitan masih menjalankan tugas menyebabkan ketidakselesaan responden memberikan masa yang lama dan banyak soalan. Untuk memudahkan kefahaman, penulis berpendapat adalah lebih baik dibincangkan berdasarkan soalan-soalan yang telah dikemukakan kepada bekas pesalah-pesalah tersebut.

***7.1 Setelah anda mengalami sendiri hukuman sebatan syarie di tempat umum, yang disaksikan ramai manusia dan tersebar melalui media, adakah anda masih menyokong sebatan syarie di depan orang awam seperti ini.***

Tujuh orang pesalah menegaskan menerima hukuman sebatan syarie dengan rela hati dan menyerahkan diri supaya sebatan syariah dilaksanakan ke atas mereka. Mereka menyedari dan memahami bahawa hukuman sebatan syarie dilakukan di depan orang ramai adalah bertujuan lebih menyedarkan dan mencegah kami mengulangi kesalahan lagi serta mencegah dan menakutkan masyarakat supaya jangan sekali-kali melakukan kesalahan.

Kelima-lima pesalah Aceh tidak membuat apa-apa rayuan terhadap hukuman yang telah diputuskan oleh Mahkamah dalam masa yang ditetapkan. Lebih menghairankan Jono Sembalou yang beragama Kristian tidak juga membuat rayuan, sedangkan beliau dijatuhkan hukuman 37 kali rotan. Dua sebab kenapa mereka tidak membuat rayuan. Pertama; mahukan seberapa segera hukuman dilaksanakan bagi membebaskan diri daripada rasa terbelenggu menunggu hukuman. Jika rayuan dilakukan, pasti akan melambatkan hukuman yang belum tentu juga akan mendapat apa-apa yang diinginkan. Kedua, mereka telah melihat dan mengetahui hukuman sebatan syarie tidak menyakitkan dan mereka sentiasa bersedia menghadapinya.

Dengan nyata, kesemua responden Sabah dan Aceh menyokong sebatan syarie dilaksanakan di tempat terbuka dan disaksikan oleh masyarakat awam demi memelihara kesejahteraan bersama. Bagi dua pesalah yang disebat lima rotan berkata:

*“Kami sedar pihak pemerintah perlu melaksanakannya untuk menjaga kepentingan masyarakat, kamilah yang silap melakukan kesalahan yang perlu sedar dan perlu menerima hukuman ini dengan reda. Masyarakat juga perlu mengambil pengajaran daripada apa yang telah kami lalui.”*

Sharin dan Sharifah dari Sabah pula berkata kami benar menyesal dan ingin bertaubat. Kami ingin sucikan dari segala dosa ini sebelum kami diakad perkahwinan. Kami bersedia menerima apa jua hukuman Kami ingin berkahwin dan akan memulakan kehidupan baru sebagai suami isteri, maka kami tidak mahu memikul kesalahan dan dosa lampau dalam kehidupan yang baru ini. Kami bertekad ini menyucikan dosa kesalahan ini secara keseluruhannya.



### ***7.2 Kesan kepada psikologi seperti perasaan malu atau rasa tertekan selepas selesai menjalani sebatan syarie di tempat terbuka dan di depan orang awam.***

Kami tidak boleh menafikan perasaan malu malah, perasaan itu sering bermain di fikiran. Tetapi bila difikirkan semula, itulah pengajaran yang besar agar kami insaf dan serik mengulangi semula kesalahan tersebut. Malah seorang daripada mereka menegaskan berkali-kali tidak akan berani mencuba melakukan mana-mana kesalahan lagi, sudah cukup pengajaran ini.

Sahrin bin Julganah dan Sharifah Nurshamilah bt Sharif Alimin dari Sabah serta Riza Yani Binti M. Isa Musa dari Aceh menyatakan gelora perasaan malu lebih kuat menghantui ialah apabila memikirkan keluarga akan menanggung malu kerana perbuatan kami, berbanding perasaan malu pada diri sendiri. Tapi kami merasa kuat menghadapinya kerana keluarga memberikan sokongan moral dan nasihat agar jangan terulang kesalahan seperti ini. Kesemua pesalah menyatakan keluarga dan rakan mereka hadir memberikan sokongan moral pada hari sebatan tersebut dijalankan.

Sahrin dan Sharifah menegaskan lagi bahawa mereka tidak merasai apa-apa tekanan kerana keluarga kami dan masyarakat kami menerima kami dengan baik. Masyarakat tidak memandang serong atau memulaukan kami yang menyebabkan kami rasa selesa hidup dalam lingkungan mereka dan kami memilih untuk terus menetap bersama mereka. Kami merasakan seolah-olah apa yang kami lalui itu hanya satu sejarah yang telah berlalu dalam hidup kami. Lebih menarik, masyarakat tidak mengungkit-ungkit atau bertanyakan tentang hal tersebut menyebabkan kami rasa kami telah “disucikan”. Kami amat berterima kasih kepada masyarakat yang amat bekerjasama.

Walau bagaimanapun, dua bekas pesalah yang disebut lima kali rotan di Aceh melahirkan rasa kurang senang dengan sorakan orang ramai yang terdengar suara-suara herdikan yang kami rasakan tidak wajar dilontarkan ketika kami mula keluar dari bilik menuju tempat sebatan, tetapi kami akur itu lumrah alam.

### ***7.3 Adakah sebatan syarie sesuai dan relevan kepada pesalah bukan Islam juga, bukan terhad ke atas orang beragama Islam.***

Jono Sembolau beragama Krisitian-Katolik telah disebut 37 sebatan syarie akur dengan rela hati terhadap undang-undang dan hukuman pemerintah. Beliau berkata:

*“Saya hidup di bawah wilayah Aceh yang melaksanakan undang-undang Syariah. Di mana bumi berpijak di situ langit dijunjung. Saya wajar menerima hukuman ini dengan rela hati”*

Beliau juga menegaskan bahawa hukuman sebatan syarie sesuai dan relevan untuk semua tanpa mengira agama dan kepercayaan kerana beberapa sebab. Pertama, sebatan ini lebih baik dan ringan daripada sebatan sivil. Kedua, hukuman penjara yang lebih memberi kesan kepada kehidupan diri dan keluarga yang menyekat hubungan kekeluargaan dan nafkah selama dipenjarakan. Malah, keluarga saya daripada awal memilih dan mendorong saya agar menjalani hukuman sebatan syarie daripada hukuman penjara.

***7.4 Bagaimana sikap keluarga dan rakan-rakan anda yang beragama Kristian setelah anda ditangkap, disabitkan dan dikenakan hukuman sebatan syarie sebanyak 37 kali sebatan.***

Jono Sembolau dengan tegas dan ringkas bahawa rakan-rakan atau masyarakat Kristian tidak menentang atau membantah sebatan di tempat umum ini, walaupun mungkin boleh memalukan atau dianggap tidak sesuai dengan prinsip agama Kristian:

*“Tidak. Malah, sahabat dan keluarga saya menyokong supaya saya segera menjalani hukuman sebatan berbanding penjara yang lebih menyukarkan kehidupan, Saya menyokong sebatan ini dilaksanakan di tempat umum kerana banyak manfaatnya kepada umum supaya mematuhi undang-undang negara”.*

Penerimaan ini mungkin disokong oleh faktor sosio budaya yang mana masyarakat bukan Islam telah lama bergaul mesra dengan masyarakat Islam Aceh sejak berzaman menyebabkan urusan keagamaan Islam bukanlah sesuatu yang asing bagi bukan Islam di Aceh.

***7.5 Bagaimana perasaan anda setelah hukuman sebatan syarie selesai seperti marah atau merasa bebas daripada kesalahan.***

Tidak rasa marah atau tidak berpuas hati, apa lagi timbul rasa memberontak. Sebaliknya kami merasakan suatu perasaan yang ganjil seperti bebas merdeka daripada beban kesalahan yang menghambat kami. Tiga orang pesalah menyatakan bahawa menunggu tarikh hukuman sebatan satu penyeksaan seperti rasa tertanggung suatu beban hutang yang belum selesai. Tetapi setelah hukuman itu selesai hari ini, kami merasakan kami telah merdeka.

Sahrin dan Syarifah melahirkan sesuatu yang menarik tetapi sukar diungkapkan dengan lafaz perkataan, iaitu rasa sakit sebatan atau perasaan malu di depan orang ramai itu menjadi kecil dan hilang berbanding perasaan

bebas daripada noda kesalahan yang kami tanggung selama kami melakukan kesalahan tersebut. Sharin berkata:

*“Kami rasa satu bebanan amat berat seperti gunung di atas bahu kami terbebas lepas daripada tanggungan kami sejurus selesai 6 sebatan itu.. kami rasa benar-benar merdeka.. Kami harap dosa itu telah diampun Allah dan Allah menerima taubat kami”.*

Kami memperoleh pengajaran paling besar ialah kami tidak akan mengulangi perbuatan itu kerana ia satu dosa yang besar. Kami benar insaf dan berazam meningkatkan kefahaman agama dan beramal dengan ilmu yang dipelajari, walaupun sedikit. Diri kami terasa suci daripada dosa zina dan dosa itu tidak lagi menghantui fikiran dan kehidupan kami lagi. Kami yakin hukuman yang dilaksanakan adalah yang terbaik bagi kami. Sahrin berkata sekarang kami menghadiri kelas agama dan sering ke masjid untuk membaiki akhlak, terutama selepas menjadi seorang ayah.

Berdasarkan jawapan dari lima soalan temu ramah di atas menzahirkan bahawa sebatan syarie yang dijalankan oleh pihak berkuasa Syariah mencapai objektif dan falsafah jangka pendek sebatan menurut hukum syarak sebagai pemulihan, pembalasan dan pencegahan terhadap pesalah. Pemulihan yang sangat jelas dilahirkan oleh rasa penyesalan dan menerima segala akibat dalaman dan luaran dengan reda. Ini satu faktor besar kepada persediaan seseorang pesalah membaiki akhlaknya. Di samping itu tujuan hukuman Islam sebagai *kaffarah* (penyucian dosa) juga tercapai dengan pengakuan bahawa suatu perasaan ganjil terbebas dari belenggu dosa kesalahan sejurus selesai hukuman menyebabkan memikir rasa sakit dan malu hilang.

Suatu perkara yang penting juga, masyarakat Islam dan bukan Islam menerima hukuman sebatan syarie kerana jelas hukuman ini lebih adil berbanding hukuman penjara. Hukuman penjara walaupun tidak disakiti tubuh badan tetapi disakiti psikologi yang tersekat segala kebebasan mungkin berbulan-bulan, berbanding dengan sebatan syarie yang tidak sakit tetapi bebas bergerak. Jika sebatan syarie amat menyakitkan dan mencederakan, mungkin ada yang memilih penjara!

## **8. Kesimpulan**

Terdapat berbezaan yang agak nyata pada tahap kelajuan hayunan rotan yang dipraktikkan di Aceh, Sabah dan Kelantan yang sedikit menentukan tahap kesakitan dan kecederaan yang dialami oleh pesalah. Hal ini disebabkan kaedah pelaksanaan sebatan syarie dalam Islam adalah termasuk dalam kategori ijtihad atau *siasah syariah* yang di bawah pentadbiran pemerintah. Walaupun wujud perbezaan pada kadar kelajuan hayunan rotan, namun ia

tidak sama sekali menjejaskan objektif hukuman sebatan syarie, iaitu tidak mencederakan pesalah dan dilaksanakan di lokasi yang boleh disaksikan oleh sebahagian orang-orang beriman.

Adalah agak sukar bagi seluruh negara-negara Islam menyelaraskan kadar kelajuan sebatan kerana setiap negara Islam mempunyai pengaruhnya tersendiri seperti orang Arab berbeza dengan orang Melayu dari sudut ketahanan fizikalnya. Namun adalah lebih baik bagi negara Malaysia menyelaraskannya bagi setiap negeri bagi mengelakkan kekeliruan.

Agak menarik apabila sebatan syarie ini diterima oleh bukan Islam yang melihat dari sudut kebaikannya secara menyeluruh dan bebas daripada sentimen keagamaan. Tahap paling tinggi kesakitan yang dialami ialah tahap tiga iaitu, sederhana sakit bagi jumlah 40 kali sebatan. Manakala 5 kali sebatan tidaklah menyakitkan, apatah lagi mencederakan. Di samping itu, dalam keadaan tertentu hukuman sebatan syarie dilihat lebih praktikal berbanding hukuman penjara yang turut menjejaskan kehidupan keluarga secara langsung, terutama hilang sumber nafkah, perhatian, kasih sayang dan perlindungan selama tempoh dipenjarakan.

## Rujukan

- ‘Abd al-‘Aziz bin Muhammad Saqir. (2016). *Al-Ta’zir*, The National Center For Legal Publications.
- ‘Abd al-Qadir ‘Awdah. (1999). *Tasyri’ al-Jana’i al-Islami*. Beirut, Dar al-Fikr.
- ‘Abd al-Rahman bin Sulaiman al-Rabisy. (2002). *‘Uqubah al-Jald wa Kaifiyatuh fi al-Fiqh al-Islami*. Riyadh, Majalah al-‘Arabiyyah li Dirasat al-Amniyyah wa al-Tadrib. 17(33).
- Abdullah bin Mahmud bin Mawdud al-Mousuli. (2005). *Al-Ikhtiyar li Ta’lil al-Mukhtar*. Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Abu al-Mahasin al-Rawyani. (2009). *Bahr Madzhab li Rawyani* ed. Tariq Tathi al-Sayyid. Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ahmad Ibrahim al-Juyyib. (1406H). *‘Uqubah al-Jald fi al-Syari’ah al-Islamiyyah*. Mekah: Universiti Umm al-Qura.
- Ahmad Ibrahim. (1990). Zainudin Jaafar, “Hukuman Mengikut Undang-Undang Syariah. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka,. *Al-Ahkam*. 21.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. (1978). Hukuman Sebat Dalam Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Awam di Malaysia. Kertas kerja. 34.
- Al-Mausu’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. (2010). Kuwait, Wazirah al-Awqaf.
- Al-Nawawi. (t.th). *Al-Majmu’ ‘ala Syarh al-Muhadzab*. Kaherah, Dar al-Fikr.
- Al-Sarkhasi. (al-). (2000). *Al-Mabsut li al-Sarkhasi* ed. Khalil Mahy al-Din. Beirut, Dar al-Fikr.
- Hamidi Abdul Ghani. (2008). *Keadilan Hukuman Sebat Menurut Islam*. Kelantan, Pustaka Assohabah.
- Ibn al-Humman (t.th), *Fath al-Qadir*, Dar al-Fikr, Beirut.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (t.th). *al-Daw’ al-Munir ‘ala al-Tafsir*. Riyadh, Maktabah Dar al-Salam.
- Muhammad Asri (Dato’) (2006). Kaedah Sebatan di Mahkamah Syariah. Kuala Lumpur, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. *Jurnal Hukum*, j. XXII (1), 5.

- Muhammad bin Muhammad al-Babarati (t.th). *al-'Inayah Syarh al-Hidayah*, Dar al-Ma'rifah, al-Beirut.
- Nurul 'Izzati bt Mohamad (2015). Khalwat: Keperluan Hukuman Sebat dan Alternatif. 2015, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*. Vol. 9, 6.
- Sa'id bin Haji Ibrahim. (1996). *Qanun Jinayah Syar'iyahdan Sistem Kehakiman Dalam Perundangan Islam Berdasarkan al-Quran dan Hadith*. Kuala Lumpur, Dar Ma'rifah.
- Siti Zubaidah Ismail (Dr.) (2008). Dasar dan Amalan Penghukuman Kes Jenayah di Mahkamah Syariah: Ke Mana Halatuju?. Kuala Lumpur, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. *Jurnal Hukum*, 27(1), 2-3.
- Sulaiman al-Bujairimi. (t.th). *Hasyiyah Bujairimi 'ala al-Manhaj*. Beirut, Dar al-Fikr.
- Wahbah al-Zuhaili. (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Beirut, Dar al-Fikr.
- Yusuf al-Qaradawi. (t.th). *Halal wa al-Haram*. Kaherah, Maktabah al-Wahbah, Kaherah.
- Zakariya al-Ansari. (2000). *Asna al-Matalib fi Syarh Raud al-Talib*. Beirut, Dar al-Fikr.
- Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri (SS Dato' Seri Dr.) (2018). Polimek Sebatan Syariah Di Terengganu. Wilayah Persekutuan, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. *Bayan Linnas*. Siri 148.

### **Statut**

- Enakmen Tatacara Jenayah 2002 Negeri Kelantan.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Johor) 2003
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Selangor) 2003.
- Kaedah-Kaedah Hukuman Sebat 1987.

### **Temuramah**

- Temuramah, Mustafa bin Yusuf, Mahlil Nasution Bin Abu Saad dan Muhammad Bin Hamzah, Riza Yani Binti M. Isa dan Jono Sembolau, ruang tetamu masjid al-Salihin, Aceh, Indonesia, pada 19 Januari 2018, Jumaat, jam 3.00 petang.
- Temuramah, Sahrin bin Julganah dan Sharifah Nurshamilah bt Sharif Alimin, bilik mesyuarat, Pejabat Kehakiman Syariah, Kota Kinabalu, Sabah, Jam 4.00 petang, 16 October 2017.
- Temuramah. YA Ahadin bin Arinen, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Tawau, Sabah, ruangan cafe, Hotel Tabung Haji, Kota Kinabalu, Sabah, 16 Oktober 2017, jam 9.30 malam.

Tahap Kesakitan dan Relevansi Sebatan Syarie: Pengalaman Bekas Pesalah yang telah Disebat di Depan Khayalak